

15/05/2002

9 persatuan risau masa depan bahasa Melayu

Nor Afzan Mohamad Yusof

KUALA LUMPUR, Selasa - Sembilan persatuan bimbang kemungkinan penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek sains dan matematik akan memberi kesan buruk ke atas bahasa Melayu pada masa depan.

Kebimbangan itu disuarakan Persatuan Linguistik Malaysia, Persatuan Penterjemahan Malaysia, Akademik Sains Malaysia (Asasi), Gabungan Penulis Nasional (Gapena), Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Kesatuan Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan Persatuan Sejarah Malaysia.

Dalam mesyuarat yang diadakan semalam, persatuan berkenaan mengambil keputusan untuk mengadakan perjumpaan dengan kerajaan dalam masa terdekat ini bagi membincangkan perkara berkenaan.

Presiden Persatuan Linguistik Malaysia, Dr Awang Sariyan, berkata pihaknya bukan anti bahasa Inggeris, sebaliknya mahu menjaga kepentingan bahasa Melayu sebagai alat perpaduan.

"Apabila bahasa Melayu beransur-ansur mengalami pengurangan fungsi sebagai bahasa moden, terutama sebagai bahasa ilmu, kedudukan dan darjat bahasa Melayu akan merosot menjadi bahasa basahan, bahasa pasar dan bahasa komunikasi tahap rendah iaitu sekadar menjadi alat perhubungan mudah.

"Keadaan itu akan memberi kesan besar kepada cita-cita membina tamadun bangsa dan negara yang berasaskan jati diri dan acuan sendiri sebagaimana yang digagaskan dalam Wawasan 2020," katanya pada sidang akhbar di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini hari ini.

Penggunaan bahasa Inggeris dalam dua subjek berkenaan dicadangkan menyusul saranan pelbagai pihak termasuk Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) agar sekolah aliran bahasa Inggeris diwujudkan semula kerana sistem itu dikatakan terbukti berjaya melahirkan generasi yang cekap berbahasa Inggeris.

Majlis Tertinggi (MT) Umno dalam mesyuaratnya Jumaat lalu bagaimanapun menolak saranan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris kerana tidak secocok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sebaliknya MT mencadangkan bahasa Inggeris diperluaskan di sekolah menerusi penggunaannya dalam pengajaran dua subjek utama iaitu sains dan matematik bermula pada peringkat Tahun Satu, selain memperkenalkan kesusasteraan Inggeris kontemporari.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, cadangan itu dibuat kerana menyedari mengenai pentingnya penguasaan ilmu bahasa Inggeris di kalangan rakyat tempatan, khususnya Bumiputera kerana ia adalah bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas.

Dr Awang berkata, pihaknya mendapati kelemahan pelajar dalam bahasa Inggeris antaranya berpunca daripada kaedah pengajaran bahasa itu sendiri, kelengkapan makmal bahasa, ketrampilan guru dan motivasi pelajar.

"Hakikatnya bukan semua pelajar gagal menguasai bahasa Inggeris malah ramai juga yang cemerlang serta fasih. Ini membuktikan ia bukan masalah menyeluruh, justeru penyelesaiannya juga mesti bersifat khusus, antaranya meningkatkan mutu pengajaran bahasa Inggeris itu sendiri.

"Dikhuatiri cita-cita melahirkan pelajar yang cekap berbahasa Inggeris tidak kesampaian kerana bukan semua guru sains dan matematik mahir berbahasa Inggeris," katanya.

(END)

